




DBKL merampas barang perniagaan dan robohkan struktur perniagaan halang laluan.



(Foto ihsan DBKL)

# DBKL roboh struktur peniaga haram di Titiwangsa, Batu

**PBT rampas barang diletak di laluan awam tanpa kebenaran**

Oleh Ilah Hafiz Aziz  
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perbuatan menghalang laluan seperti membina struktur di kawasan

pejalan kaki atau rizab parit semakin menjadi-jadi di bandar raya ini dan sukar dikawal meskipun pelbagai usaha serta tindakan undang-undang dijalankan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Jalan terakhir terpaksa dilakukan PBT adalah membuat rampasan barangan perniagaan berkenaan atau merobohkan struktur perniagaan berkenaan, seperti yang dilakukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam dua operasi di Parlimen Titiwangsa dan Parlimen

Batu, kelmarin.

Melalui Jabatan Penguatkuasaan dan Pejabat Cawangan Titiwangsa, DBKL menyita kerusi dan meja serta peralatan lain yang diletakkan di laluan pejalan kaki/laluan awam tanpa kebenaran di Jalan 2/76C Desa Pandan dan Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh).

Sebanyak tiga tindakan sita dijalankan menerusi peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

“Antara barangan yang disita adalah meja dan kerusi plas-

tik, khemah dan lain-lain peralatan.

Semua barangan itu dibawa ke Stor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja, Cheras untuk tindakan rekod dan dokumentasi,” katanya di Facebooknya, kelmarin.

## Operasi bersepadu

Di Parlimen Batu pula, DBKL bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) melaksanakan operasi bersepadu merobohkan struktur di situ.

Dalam operasi itu, sebanyak dua unit struktur tanpa kebenaran dikenakan tindakan roboh serta-merta, manakala sebuah unit pula dirobohkan sendiri oleh pemilik berkenaan.

“Semua sisa struktur yang dirobohkan juga sudah dilupuskan oleh DBKL selepas tamat operasi yang dijalankan.

“Tindakan sita juga dilaksanakan terhadap barangan perniagaan. Ia dilaksanakan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974,” kata DBKL.